



## **-MEMORANDUM-**

**TARIKH** : 3 OKTOBER 2019 / 4 SAFAR 1441 H  
**KEPADA** : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF  
MAIK MUAMALAT (JPB WMM)  
**DARIPADA** : URUSETIA WAKAF MAIK MUAMALAT  
**PERKARA** : LAPORAN SUKU TAHUN KETIGA WAKAF MAIK MUAMALAT BAGI  
BULAN JULAI - SEPTEMBER 2018

### **1.0 OBJEKTIF**

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB Wakaf MAIK Muamalat (WMM) tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WMM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WMM bagi suku tahun ketiga tahun 2018 (Julai - September).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

#### **2.1 Pengenalan:**

Wakaf MAIK Muamalat merupakan jalinan kerjasama antara Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) bagi menguruskan dana wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf MAIK Muamalat akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana WMM juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

### 3.0 Jumlah Kutipan Bulanan WMM (Julai – September 2018):

TAHUN	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
Baki Dana Semasa WMM sehingga 30/6/2018			711,516.74
2018	Julai	151.08	180,541.20
	Ogos	120,216.72	
	September	60,173.40	
<b>JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/9/2018 (A)</b>			<b>892,057.94</b>

### 4.0 Pengeluaran Dana WMM (Julai - September 2018):

Tiada pengeluaran dibuat sepanjang tempoh ini. Oleh itu, jumlah dana semasa WMM sehingga 30 September 2018 adalah RM892,057.94

### 5.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WMM yang telah dijalankan, jumlah kutipan dan jumlah pengeluaran dana WMM selama 3 bulan dari Julai hingga September pada tahun 2018.

### 7.0 TANDATANGAN & NAMA

Disediakan oleh:

Tarikh

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

**(Nurshakila Sefor Rahman)**  
**Urusetia JPB (BMMB)**

Disemak oleh:

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

**(Wan Nuraihan Hj Ab Shatar)**  
**Urusetia JPB (BMMB)**

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

**(Shakirah bt Mohamad)**  
**Urusetia JPB (MAIK)**